**CARTA 11**
**PROSES KES PERMOHONAN CERAI (TANPA PERSETUJUAN BERSAMA)**




**Tempoh Masa Mahkamah**

a. Suami atau isteri:-
   i. Serah Borang Permohonan Perceraian yang telah dilengkapkan (mengikut format borang)
   ii. Bayar yuran pendaftaran (mengikut kadar ketetapan negeri masing-masing)
   iii. Daftar kes cerai di kaunter
   iv. Terima tarikh dan masa hadir ke Mahkamah. *(Tarikh untuk suami dan isteri hadir ke mahkamah hendaklah tidak melebihi 21 hari dari tarikh kes didaftarkan)*

**(10 minit)**

b. Mahkamah serahkan saman kepada suami atau isteri *(dalam tempoh tidak melebihi 14 hari selepas kes didaftarkan)*

c. Suami dan isteri:-
   i. Hadir pada tarikh dan masa yang ditetapkan
   ii. Bawa bersama dokumen asal seperti berikut:
      - Sijil Nikah atau Sijil Ruju’
      - Kad Pengenalan atau dokumen pengenalan diri atau Pasport.

d. Suami atau isteri tidak bersetuju bercerai

e. Mahkamah lantik Jawatankuasa Pendamai

f. Suami atau isteri:-
   i. Hadir pada tarikh dan masa yang ditetapkan
   ii. Beri keterangan kepada Jawatankuasa Pendamai

g. Jawatankuasa Pendamai:-
   i. Mengadakan proses perdamaian
   ii. Kemukan laporan bertulis dan syor kepada Hakim sama ada wujud perdamaian atau tidak.

***Catatan:*** *Proses Perdamaian dijalankan dalam tempoh tidak melebihi 6 bulan.*

**Tempoh Masa Mahkamah**

2A

**MAHKAMAH**

h. Mahkamah buat keputusan hasil laporan dan syor Jawatankuasa Pendamai — **(10 Minit)**

KEPUTUSAN?

- SUAMI DAN ISTERI SETUJU CERAI (SUAMI LAFAZ CERAI) [RUJUK CARTA 10 (C)]
- SUAMI ATAU ISTERI TIDAK SETUJU CERAI KES DIRUJUK KE PROSES MAJLIS HAKAM
- SUAMI DAN ISTERI SETUJU BERDAMAI (KES DIBATALKAN)

**MAHKAMAH**

i. Mahkamah lantik Hakam untuk jalankan proses Majlis Hakam — **(15 minit)**

**PROSES MAJLIS HAKAM**

j. Suami dan isteri:-
   i. Hadir pada masa dan tarikh yang ditetapkan.
   ii. Beri keterangan kepada Hakam.

k. Hakam:-
   i. Dapatkan kuasa talaq
   ii. Maklumkan keputusan kepada Hakim

***Catatan:*** *Proses Majlis Hakam mengambil masa tidak melebihi tiga (3) bulan.*

**MAHKAMAH**

l. Mahkamah perakukan keputusan Hakam

m. Suami atau Hakam lafaz cerai

n. Mahkamah keluarkan perintah perceraian — **(45 minit)**

o. Suami dan isteri
   i. Terima rekod percerian
   ii. Bawa rekod perceraian dengan SEGERA ke Jabatan Agama Islam untuk daftar cerai.

**JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI**

p. Suami dan isteri:-
   i. Serah rekod cerai kepada Jabatan Agama bersama dokumen asal berikut:-
      - Sijil Nikah atau Sijil Ruju’
      - Kad pengenalan atau dokumen pengenalan diri atau Pasport
      - Perintah Daftar Cerai dan Rekod Perceraian
   ii. Bayar yuran daftar cerai (mengikut kadar yang ditetapkan oleh negeri-negeri)

q. Jabatan Agama Islam:-
   i Daftar cerai
   ii Keluarkan sijil cerai

TAMAT